# <u>Shell Applications: Privacy Policy</u>

We respect the privacy of everyone who uses this application. Please read this Privacy Policy carefully to ensure that you understand our approach and practices in respect of the collection and processing of your personal data.

**<u>By downloading the Shell Marine Products application (the "Application") you confirm that you have read, understood and agreed to Shell processing your personal data in accordance with the provisions of this Privacy Policy.</u>**

If you do not agree to the provisions of this Privacy Policy, please do not access or use the Application.

## 1. Who is responsible for the personal information collected?

1.1 Shell International B.V., a company registered in The Netherlands with registered number 27155369 whose registered office is at Carel van Bylandtlaan 30, 2596 HR The Hague, The Netherlands, is the ultimate controller for the processing of your personal data. ("Shell").

## 2. What does this Privacy Policy cover?

2.1 This Application requires you to provide Shell with personal and non-personal information. Personal information includes information that could identify a specific individual (such as names, addresses and e-mail addresses). This Privacy Policy covers Shell's use of your personal information, and of your non-personal information, which is collected through or in connection with this Application.

## 3. User Restrictions

3.1 This Application is not aimed at children under 18 years old and we will not collect, use, provide or process in any other form any personal information of children under the age of 18 deliberately. We therefore also ask you, if you are under 18 years old, please do not send us your personal information (for example, your name, address and email address). If you are under 18 years old and you nevertheless wish to ask a question or use this Application in any way which requires you to submit your personal information please get your parent or guardian to do so on your behalf.

## 4. Information Shell may collect and store

4.1 The information collected and processed by or on behalf of Shell via the Application includes the following:

a) Submitted Information

Information that you provide in registering for and using the Application (including mandatory information such as your name and email and non-mandatory information such as your date of birth and gender).

If we ask you to sign up and log in using the credentials (username and password) of your Online Social Identity Provider (“**Provider**”) we will share certain information from your Provider account. Which information is shared with us is subject to the Terms and Conditions you have agreed with your Provider and your private settings in your Provider account, but will at least contain your email-address, first name, last name and your date of birth.

Submitted information also includes information that you provide in subscribing for any services or reminders (e.g. which country or language you chose in entering a contest, posting material or requesting further services.

b) User Generated Content

User Generated Content that you post or otherwise make available on or through the Application.

c) Device information

Information about the device you use to download or stream the Application, including, where available, the type of device that you use, the device's unique device identifiers, operating system and/or mobile network information.

d) Application use information

Information regarding the frequency with which you use the Application, clickstream data (e.g. landing, viewed and exit pages), the nature of such use and any feedback as to your experience of using the Application.

e) Log information

Shell may automatically collect and store certain information in server logs including but not limited to internet protocol (IP) addresses, and timestamps.

f) Location and route information

When you use one of the Application’s location-enabled services, Shell may collect and store information about your actual location and routes. This includes using the Application to “check-in” at a Shell site.

g) Device Data

Shell may store personal data on your device using application data caches.

h) Loyalty Customer information

If you are a Loyalty customer, your Loyalty card details and associated use of the Loyalty function(s) within the Application.

i) Cookies

Information about visits on our website, for further information see Clause 8.

j) Login Information

Shell may automatically track and store information including the frequency with which you login to the Order Tracking portal within the Application including the username that you use to login. Note, this information is not linked to any personal information which could be used to identify a specific individual.

k) Other information

Shell may ask you for additional information, e. g. when you enter a competition or promotion sponsored by Shell and, if you contact Shell, a record of that correspondence may be kept.

## 5. Use of information

5.1 Shell may use the information collected and/or provided via **Google Analytics** for the following purposes:

a) to conduct market research and tracking of data and preferences, including but not limited to analysing your usage of the Application;
b) to follow up with you on our products and or services that may meet your needs;
c) to provide customized marketing communications to you;
d) to provide you with specific information;
e) to respond to queries or requests submitted by you;
f) to anticipate and resolve problems with the Application;
g) for system administration and optimization;
h) for security purposes (e.g.: to monitor unauthorised account access); and/or
i) to improve the Application's performance and efficiency.

5.2 The information Shell obtained from you via the Application (as detailed in Clause 4.1 above) may be shared across the Shell Group of companies and combined with information that Shell already has about you or with information we receive from other sources e.g. public registers such as the electoral roll. Shell may process this combined information for any of the purposes detailed in Clause 5.1 above.

5.3. We may use and share anonymised information outside of the Shell Group, however, we would like to reassure you that this never includes your personal information.

5.4 Additionally, if at any time you wish us to stop using your information for any or all of the above purposes; please contact us as set out below. We will stop the use of your information for such purposes as soon as it is reasonably possible to do so. In this case you won´t be able to use the app further.

5.5 Shell may use the Application to communicate specific offers via 'push' notifications delivered directly to your device. If Shell will use this option you will be asked whether you wish to receive the push notifications when you download the Application or an updated version of it. If you choose to receive the push notifications but decide at a later stage that you no longer wish to receive the push notifications, you can disable them within the 'Info & Settings' function of the Application.

5.6 **By accessing and using the Application you confirm that you have read this Privacy Policy and consent to Shell processing your personal data in the manner and for the purposes set out in this privacy policy.**

## 6. Disclosure of information

6.1 Shell may disclose the information collected and/or provided via this Application to third parties as follows:

a) in order to enforce, apply or investigate potential breaches of Shell's Terms and Conditions of Use;
b) in the event third persons are involved in the services provided by the Application Shell may forward information to enable these third persons to perform the services;
c) in order to process Shell's own marketing communications;
d) in order to protect the rights, property or safety of Shell, other users or third parties. This includes exchanging information with other companies and organisations for the purposes of fraud protection;
e) in order to comply with any legal, judicial or regulatory obligation or request or for the prevention of crime;
f) in the event that Shell sells or buys any business or assets, in which case Shell may disclose your personal data to the prospective seller or buyer of such business or assets; and/or
g) within the Shell Group, which means Shell's subsidiaries and Shell's ultimate holding company and its subsidiaries.

6.2 Except as set out in this Privacy Policy, Shell will not disclose any personal data (as defined in the Act) which relates to you, and which has been collected and/or provided via the Application, without your permission unless:

a) Shell is legally required or entitled to do so; and/or
b) Shell believes that such disclosure is necessary to protect and/or defend the rights, property or personal safety of itself and/or other users or customers.

## 7. Transfer of data

7.1 Any personal data provided to Shell via this Application may be transferred to other members of the Shell Group or (occasionally) selected third parties, which may be located outside of Malaysia. By way of example, this may happen if any of our servers are from time to time located in a country outside of Malaysia or one of our service providers is located in a country outside of Malaysia.

7.2 These third parties will not use your personal information for any other purposes than what we have agreed with them. Shell requests those third parties to implement adequate levels of protection in order to safeguard your personal information. We respect your personal information and therefore, we will take steps to ensure that your privacy rights continue to be protected if we transfer your information outside of the EEA in this way. In addition, if you use our services while you are outside of Malaysia, your information may be transferred outside of Malaysia in order to provide you with those services.

7.3 Except as set out in this privacy policy, we will not disclose any personally identifiable information without your permission unless we are legally entitled or required to do so (for example, if required to do so by legal process or for the purposes of prevention of fraud or other crime) or if we believe that such action is necessary to protect and/or defend our rights, property or personal safety and those of our users/customers or other individuals.

7.4 Please be assured that we will not use your information for any of the purposes if you have indicated that you do not wish us to use your information in this way when submitting the information or at a later stage.

7.5 **By submitting your personal data, you agree to that data being transferred outside Malaysia in accordance with the terms of this Clause.**

## 8. Cookies

8.1 We use the term “cookies” to refer to cookies and other similar technologies covered by the EU Directive on privacy in electronic communications.

***What is a cookie?***

8.2 Cookies are small data files that your browser places on your computer or device. Cookies help your browser navigate a website and the cookies themselves cannot collect any information stored on your computer or your files.

8.3 When a server uses a web browser to read cookies they can help a website deliver a more user-friendly service. To protect your privacy, your browser only gives a website access to the cookies it has already sent to you.

***Why do we use cookies?***

8.4 We use cookies to learn more about the way you interact with our content and help us to improve your experience when visiting our Application or websites.

8.5 Cookies remember the type of browser you use and which additional browser software you have installed. They also remember your preferences, such as language and region, which remain as your default settings when you revisit the website. Cookies also allow you to rate pages and fill in comment forms.

8.6 Some of the cookies we use are session cookies and only last until you close your browser, others are persistent cookies which are stored on your computer for longer. For further details on the various types of cookies that we use, please read our cookie policy.

***How are third party cookies used?***

8.7 For some of the functions within our websites we use third party suppliers, for example, when you visit a page with videos embedded from or links to YouTube. These videos or links (and any other content from third party suppliers) may contain third party cookies and you may wish to consult the policies of these third party websites for information regarding their use of cookies. For further details on the third party cookies that we use, please read our page on cookie types.

***How do I reject and delete cookies?***

8.8 We will not use cookies to collect personally identifiable information about you. You can also visit www.allaboutcookies.org for details on how to delete or reject cookies and for further information on cookies generally. For information on the use of cookies in mobile phone browsers and for details on how to reject or delete such cookies, please refer to your handset manual.

8.9 You will be asked whether or not you consent to the use of cookies when you download this Application. You can also erase or block this information by changing the settings on your device (please refer to your help screens or manuals). If you do erase or block this information you may not be able to utilise some features of the Application or websites.

8.10 In case we engage third parties to assist us in serving cookies, they are not permitted to use the information collected except to help Shell conduct and improve its business.

## 9. Feedback and forum facilities

9.1 If at any time this Application offers any feedback and/or forum facilities (or similar), Shell may collect the information that you disclose in using such facilities. Such information will be used in accordance with this Privacy Policy. Please note that Shell cannot be responsible for other parties' use of the personal information which you make available to such third parties through any feedback or forum facilities in this application. **Please be careful about what personal information you disclose in this way**.

## 10. Third party applications or websites

10.1 Shell cannot accept responsibility for the privacy policies and practices of third party applications or websites, even if you accessed the third party application or website using links provided by the Application or linked to the Application via a third party application or website.

10.2 Shell recommends that you check the policy of each application or website you visit and contact the owner or operator of such application or website if you have any concerns or questions.

## 11. Keeping Shell's records accurate

11.1 Shell aims to keep its information about you as accurate as possible. If you would like to review or change the details you have entered into the Application, you can do so by using the 'Edit' function to be found within 'Info & Settings'. In the event you wish to edit information supplied to Shell which cannot be edited using this function, please contact SITI-MLM-Support@Shell.com.

## 12. Collection of non-personal information

12.1 We may automatically collect non-personal information about you such as the type of internet browsers you use or the website from which you linked to our Application or website. We may also aggregate details which you have submitted (for example, your age and the town where you live). You cannot be identified from this information and it is only used to assist us in providing an effective service. We may from time to time supply third parties with this non-personal or aggregated data for uses in connection with this Application.

## 13. How to opt-out, modify information you have provided to us and delete your account

13.1 If you wish to modify your account information, change your preferences, opt-out of receiving push notifications or any other messages or completely delete all of your Shell online account information from our database you can do so in the relevant setting function at any time.

13.2 Please be aware that your account information may persist in backup copies for a reasonable period of time even after you have deleted your account also subject to legal preservation duties.

## 14. Security of your personal data

14.1 Shell has implemented technology and policies with the objective of protecting your privacy from unauthorized access and improper use and will update these measures, as appropriate, as new technology becomes available.

14.2 Although Shell strives to protect your personal information, unfortunately, the transmission of information via the internet is not completely secure. Although Shell will do its best to protect your personal information, it cannot always guarantee the security of this information. Any transmission of information is therefore made at your own risk. Once Shell has received your personal information, it will, however, use strict procedures and security features to try to prevent unauthorized access.

## 15. Terms and Conditions

15.1 Please take also notice of our General Terms and Conditions of Use providing the use, disclaimers, and limitations of liability governing the use of this Application.

## 16. Changes to this Privacy Policy

16.1 From time to time Shell may make changes to this Privacy Policy. If Shell makes any changes to this Privacy Policy and the way in which your personal data is used, you will be asked to accept those revised Privacy Policy when you next use the Application. Any use of the Application thereafter will be on the basis of those revised Privacy Policy.

## 17. How you can contact us

17.1 If you would like to contact Shell about this Privacy Policy, please contact SITI-MLM-Support@Shell.com.

## 18. Privacy Policy in Bahasa Malaysia

18.1 This Privacy Policy is also provided in Bahasa Malaysia. In the event of inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

## Aplikasi Shell: Polisi Privasi

Kami menghormati privasi setiap individu yang menggunakan aplikasi ini. Sila baca Polisi Privasi ini dengan teliti untuk memastikan yang anda faham dengan pendekatan dan amalan kami berkenaan cara pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda.

**Dengan memuat turun aplikasi 'Shell Marine Products' ("Aplikasi"), anda mengesahkan bahawa anda telah baca, fahami, dan setuju untuk Shell memproses data peribadi anda berdasarkan peruntukan-peruntukan Polisi Privasi ini.**

Jika anda tidak setuju dengan mana-mana peruntukan Polisi Privasi ini, sila jangan mengakses ataupun menggunakan Aplikasi ini.

### 1. Siapa yang bertanggungjawab untuk maklumat peribadi yang telah dikumpul?

1.1 Shell International B.V., sebuah syarikat yang didaftarkan di Netherlands, yang mana alamat berdaftarnya adalah Carel van Bylandtlaan 30, 2596 HR The Hague, The Netherlands, adalah pengawal data yang utama untuk pemprosessan data peribadi anda ("Shell").

### 2. Apakah yang dirangkumi Polisi Privasi ini?

2.1 Aplikasi ini memerlukan anda untuk menyediakan Shell dengan maklumat peribadi dan tidak peribadi. Maklumat peribadi yang dimaksudkan termasuklah maklumat yang boleh mengenalpasti seseorang individu secara spesifik (seperti nama, alamat, dan alamat e-mel). Polisi Privasi ini merangkumi penggunaan maklumat peribadi dan tidak peribadi oleh Shell, yang dikumpul melalui ataupun berhubung dengan Aplikasi ini.

### 3. Kekangan Penggunaan

3.1 Aplikasi ini tidak disasarkan untuk kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun dan kami tidak akan kumpul, guna, sediakan atau proses dalam apa jua bentuk, maklumat peribadi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dengan sengaja. Oleh itu, kami memohon agar anda tidak menghantar maklumat peribadi jika anda masih berumur di bawah 18 tahun (sebagai contoh, nama, alamat dan alamat e-mel). Jika anda berumur di bawah 18 tahun namun masih berhajat untuk bertanyakan soalan atau untuk menggunakan Aplikasi ini dengan apa-apa cara yang memerlukan anda untuk menghantar maklumat peribadi anda, sila dapatkan ibu bapa atau penjaga untuk melakukannya bagi pihak anda.

### 4. Maklumat yang boleh dikumpul dan disimpan Shell

4.1 Maklumat yang telah dikumpul dan diproses oleh atau bagi pihak Shell menerusi Aplikasi tersebut merangkumi:

a) <u>Maklumat yang telah Dihantar</u>

Maklumat yang diberikan semasa pendaftaran untuk penggunaan Aplikasi (termasuklah maklumat mandatori seperti nama dan alamat e-mel dan maklumat bukan mandatori seperti tarikh lahir dan jantina).

Jika anda diminta untuk 'sign up' dan 'log in' dengan menggunakan tauliah (kata nama dan kata laluan) Online Social Identity Provider ("Provider") anda, kami akan berkongsi sesetengah maklumat daripada akaun 'Provider' anda. Mana-mana maklumat yang dikongsi dengan kami adalah berlandaskan Terma dan Syarat yang anda telah persetujui dengan Provider dan tetapan privasi akaun Provider anda, yang akan sekurang-kurangnya merangkumi alamat e-mel, nama pertama, nama keluarga dan tarikh lahir anda.

Maklumat yang telah dihantar termasuklah maklumat yang telah disediakan ketika melanggan untuk mana-mana perkhidmatan ataupun peringatan (sebagai contohnya: pilihan negara ataupun bahasa yang dipilih untuk menyertai sesuatu pertandingan, bahan yang dipos, ataupun ketika meminta perkhidmatan lanjut).

b) <u>Bahan Hasilan Pengguna</u>

Bahan hasilan pengguna yang anda pos ataupun sebaliknya sediakan, atas ataupun menerusi penggunaan Aplikasi.

c) <u>Maklumat Peranti</u>

Maklumat berkenaan peranti yang digunakan untuk memuat turun ataupun melayari Aplikasi, termasuklah, di mana ianya tersedia, jenis peranti yang digunakan, ciri-ciri unik pengenal pasti peranti, sistem operasi dan/atau maklumat jaringan mudah alih.

d) <u>Maklumat Penggunaan Aplikasi</u>

Maklumat berkenaan kekerapan penggunaan Aplikasi, data 'clickstream' (contohnya: 'landing', 'viewed' dan 'exit pages'), yang mana sifat penggunaannya dan apa-apa maklum balas kepada pengalaman anda menggunakan Aplikasi.

e) <u>Maklumat Log</u>

Shell boleh mengumpul dan menyimpan secara otomatik, sesetengah maklumat dalam log server termasuklah tetapi tidak terhad kepada alamat protokol internet (IP) dan cap waktu.

f) <u>Maklumat lokasi dan laluan</u>

Apabila anda menggunakan salah satu daripada perkhidmatan Aplikasi yang menggunakan lokasi, Shell boleh mengumpul dan menyimpan maklumat tentang lokasi dan laluan sebenar anda. Ini termasuklah penggunaan Aplikasi untuk "check-in" di tapak Shell.

g) <u>Data Peranti</u>

Shell boleh menyimpan data peribadi di dalam peranti anda dengan menggunakan ingatan cache di dalam Aplikasi.

h) Maklumat Pelanggan Kesetiaan

Jika anda merupakan seorang pelanggan Kesetiaan, butir-butir kad Kesetiaan dan penggunaan anda yang berkaitan fungi-fungsi Kesetiaan dalam ruang Aplikasi.

i) Kuki

Maklumat berkenaan lawatan ke laman web, untuk maklumat lebih lanjut sila lihat Klausa 8.

j) Maklumat Daftar Masuk

Shell boleh menjejak dan menyimpan maklumat secara otomatik, termasuklah kekerapan anda mendaftar masuk ke dalam portal 'Order Tracking' dalam ruang Aplikasi termasuklah kata nama yang anda gunakan untuk login. Sila ambil perhatian, maklumat ini tidak ada hubungan dengan mana-mana maklumat peribadi yang boleh digunakan untuk mengenalpasti individu tertentu.

k) Maklumat Lain

Shell boleh meminta maklumat tambahan, contohnya, apabila anda menyertai pertandingan atau promosi tajaan Shell dan, jika anda menghubungi Shell, rekod surat-menyurat tersebut boleh disimpan.

**5. Pengunaan Maklumat**

5.1 Shell boleh menggunakan maklumat yang dikumpul dan/atau diberikan melalui 'Google Analytics' untuk kegunaan berikut:

a) untuk mengendalikan kajian pasaran dan mengesan data dan keutamaan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada analisa penggunaan Aplikasi oleh anda;
b) untuk sebarang susulan dengan anda berkenaan sebarang produk dan atau perkhidmatan mungkin memenuhi kehendak anda;
c) untuk menyediakan komunikasi pasaran yang sesuai kepada anda;
d) untuk menyediakan anda dengan maklumat spesifik;
e) untuk memberi jawapan kepada pertanyaan ataupun permintaan yang dihantar anda;
f) untuk menjangkakan dan menyelesaikan masalah-masalah dalam Aplikasi;
g) untuk sistem pentadbiran dan optimisasi;
h) untuk tujuan-tujuan sekuriti (contohnya: untuk mengawasi akses kepada akaun yang tidak diktiraf); dan/atau
i) untuk meningkatkan prestasi dan keberkesanan Aplikasi.

5.2 Maklumat yang diperolehi Shell menerusi penggunaan Aplikasi (seperti yang termaktub dalam Klausa 4.1) boleh dikongsi bersama syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Shell

dan digabungkan bersama oleh maklumat yang telah diperolehi Shell tentang anda ataupun dengan maklumat yang telah kami terima menerusi sumber-sumber lain, contohnya: daftar-daftar awam seperti daftar pengundi. Shell boleh memproses maklumat gabungan ini untuk sebarang tujuan seperti yang telah disebut dalam Klausa 5.1.

5.3 Kami boleh menggunakan dan berkongsi maklumat tanpa nama diluar lingkungan Shell Group, namun begitu, kami menjamin bahawa maklumat tersebut tidak termasuk maklumat peribadi anda.

5.4 Selain itu, jika pada bila-bila masa anda berhajat untuk kami berhenti menggunakan maklumat untuk mana-mana tujuan tersebut; sila hubungi kami melalui maklumat yang disediakan di bawah. Kami akan berhenti menggunakan maklumat anda untuk tujuan-tujuan tersebut secepat mungkin. Dalam situasi ini, anda tidak akan dapat menggunakan Aplikasi ini lagi.

5.5 Shell boleh menggunakan Aplikasi untuk menyampaikan tawaran-tawaran istimewa menerusi notifikasi ‘push’ yang akan dihantar secara terus kepada peranti anda. Jika Shell menggunakan pilihan ini, anda akan ditanya sama ada anda berminat untuk menerima notifikasi ‘push’ apabila anda memuat turun Aplikasi tersebut ataupun versi terbarunya. Jika anda memilih untuk menerima notifikasi ‘push’ tetapi kemudiannya membuat keputusan untuk tidak lagi menerimanya, anda boleh membatalkan penggunaannya menerusi fungsi ‘Info & Settings’ Aplikasi tersebut.

5.6 **Dengan mengakses dan menggunakan Aplikasi ini anda telah mengesahkan bahawa anda telah membaca Polisi Privasi ini dan setuju untuk Shell memproses data peribadi anda menerusi cara dan untuk tujuan yang telah dinyatakan di dalam Polisi Privasi ini.**

## 6. Pendedahan maklumat

6.1 Shell boleh mendedahkan maklumat yang telah dikumpul dan/atau diberikan menerusi Aplikasi ini kepada pihak ketiga seperti yang berikut:

a) untuk menguatkuasa, mengaplikasi ataupun menyiasat sebarang kebarangkalian pelanggaranTerma dan Syarat penggunaan Shell;
b) sekiranya pihak ketiga terlibat dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Aplikasi, Shell boleh menghantar maklumat untuk membolehkan pihak ketiga tersebut melaksanakan perkhidmatannya;
c) untuk memproses komunikasi pemasaran Shell;
d) untuk melindungi hak-hak, harta atau keselamatan Shell, pengguna-pengguna lain atau pihak ketiga. Ini termasuklah pertukaran maklumat dengan syarikat-syarikat dan organisasi untuk tujuan perlindungan penipuan;
e) untuk mematuhi sebarang undang-undang, penghakiman atau kewajipan peraturan atau permintaan atau untuk pencegahan jenayah,

f) dalam situasi yang mana Shell menjual atau membeli mana-mana perniagaan atau aset, Shell boleh untuk mendedahkan data peribadi anda kepada bakal penjual atau pembeli sesuatu perniagaan atau aset;
g) dalam lingkungan Shell Group, maksudnya anak-anak syarikat Shell dan syarikat utama Shell serta anak-anak syarikatnya.

6.2 Kecuali seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Privasi ini, Shell tidak akan mendedahkan sebarang data peribadi (seperti yang didefinasi di dalam Akta) yang berkenaan dengan anda, yang telahpun dikumpul dan/atau disediakan menerusi Aplikasi, tanpa kebenaran anda kecuali:

a) Shell diperlukan dari segi undang-undang atau berhak untuk berbuat sedemikian; dan/atau
b) Shell percaya bahawa pendedahan tersebut adalah diperlukan untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak-hak, harta atau keselamatan peribadinya dan/atau pengguna-pengguna atau pelanggan-pelanggan lain.

## 7. Pemindahan data

7.1 Sebarang data peribadi yang diberikan kepada Shell menerusi Aplikasi ini boleh dipindahkan kepada ahli-ahli lain Shell Group atau (kadang-kala) pihak ketiga yang terpilih, yang mungkin terletak diluar Malaysia. Contohnya, hal ini mungkin berlaku jika mana-mana daripada perkhidmatan kami dari masa ke semasa terletak di negara di luar Malaysia atau salah satu pembekal perkhidmatan kami terletak di negara di luar Malaysia.

7.2 Pihak-pihak ketiga ini tidak akan menggunakan maklumat peribadi anda untuk apa-apa tujuan selain daripada apa yang telah dipersetujui dengan mereka. Shell meminta pihak-pihak ketiga ini untuk melaksanakan perlindungan yang mencukupi dalam usaha untuk melindungi maklumat peribadi. Kami menghormati maklumat peribadi anda dan oleh itu, kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan hak-hak privasi anda dilindungi dengan berterusan jika kami memindahkan maklumat anda diluar kawasan Malaysia dalam apa cara sekalipun. Tambahan lagi, jika anda menggunakan servis kami ketika berada di luar kawasan Malaysia, maklumat anda boleh dipindahkan ke luar kawasan Malaysia untuk menyediakan servis-servis tersebut.

7.3 Kecuali seperti yang digariskan dalam polisi privasi ini, kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat peribadi yang boleh diidentifikasi tanpa kebenaran melainkan jika kami berhak dari segi undang-undang atau diperlukan untuk melakukannya (sebagai contohnya, jika diperlukan untuk berbuat begitu oleh proses undang-undang ataupun untuk tujuan-tujuan mencegah penipuan atau jenayah lain) atau jika kami percaya yang mana tindakan tersebut adalah perlu untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak-hak kami, harta atau keselamatan peribadi dan pengguna/pelanggan kami atau lain-lain individu.

7.4 Adalah dijamin bahawa kami tidak akan menggunakan maklumat anda untuk apa-apa tujuan lain jika anda telah memberi petanda untuk tidak memberi kebenaran maklumat digunakan sedemikian ketika maklumat dihantar atau pada waktu kemudiannya.

7.5 Dengan menghantar data peribadi, anda bersetuju untuk data anda dipindahkan keluar Malaysia sejajar dengan terma-terma dalam Klausa ini.

**8. Kuki**

8.1 Kami menggunakan terma kuki untuk merujuk kepada kuki dan teknologi serupa yang dilindungi oleh "EU Directive" berkenaan polisi komunikasi elektronik.

***Apakah itu kuki?***

8.2 Kuki adalah data-data fail kecil yang disimpan di dalam komputer atau peranti, oleh pelayar anda. Kuki dapat membantu pelayar menavigasi sesebuah laman web dan kuki dengan sendirinya tidak boleh mengumpul apa-apa maklumat yang disimpan di dalam komputer ataupun fail-fail anda.

8.3 Apabila server menggunakan pelayar laman web untuk baca kuki, ianya dapat membantu sesebuah laman web menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra pengguna. Untuk melindungi privasi anda, pelayar anda hanya akan memberikan laman web laluan kepada kuki yang telah dihantar kepada anda.

***Mengapa kuki ini digunakan?***

8.4 Kami menggunakan kuki untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang cara anda berinteraksi dengan kandungan kami dan untuk membantu kami dalam meningkatkan pengalaman pengguna apabila melawat Aplikasi atau laman web kami.

8.5 Kuki mengingati jenis pelayar yang anda gunakan dan perisian tambahan pelayar yang telah dipasang oleh anda. Kuki juga mengingati pilihan utama anda, seperti bahasa dan kawasan, yang mana akan kekal sebagai tetapan lalai apabila anda melawat kembali laman web tersebut. Kuki juga membenarkan anda untuk menilai laman-laman dan mengisi ruangan komentar.

8.6 Sebahagian daripada kuki yang digunakan adalah kuki bersesi dan hanya akan bertahan sehingga pelayar anda ditutup, manakala yang lain adalah kuki yang berterusan sifatnya dan disimpan di dalam komputer untuk tempoh masa yang lebih lama. Untuk makluman yang lebih lanjut tentang kepelbagaian jenis kuki yang kami gunakan, sila baca polisi kuki kami.

***Bagaimana kuki pihak ketiga digunakan?***

8.7 Kami menggunakan pembekal-pembekal pihak ketiga untuk sebahagian daripada fungsi-fungsi di dalam laman web kami, sebagai contoh, apabila anda melawat laman yang mempunyai video daripada atau pautan kepada YouTube. Video-video ataupun pautan-pautan ini (dan apa-apa lagi kandungan daripada pembekal-pembekal pihak

ketiga) mungkin mengandungi kuki pihak ketiga dan anda mungkin mahu merujuk kepada polisi-polisi laman web mereka untuk maklumat yang lebih lanjut berkenaan penggunaan kuki mereka. Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang kuki pihak ketiga yang kami gunakan, sila rujuk kepada laman kami tentang jenis-jenis kuki.

***Bagaimana caranya untuk menolak dan membuang kuki?***

8.8 Kami tidak akan menggunakan kuki untuk mengumpul maklumat peribadi anda. Anda juga boleh melawat www.allaboutcookies.org untuk maklumat berkenaan cara membuang ataupun menolak kuki dan maklumat lebih lanjut berkenaan kuki secara amnya. Untuk maklumat tentang pengunaan kuki dalam pelayar telefon bimbit dan untuk maklumat tentang cara menolak atau membuang kuki yang berkenaan, sila rujuk kepada manual handset anda.

8.9 Anda akan ditanya sama ada anda mahu memberi kebenaran atau tidak berkenaan penggunaan kuki apabila memuat turun Aplikasi ini. Anda juga boleh memadam atau menyekat maklumat ini dengan cara menukar tetapan peranti (sila rujuk kepada skrin atau manual pertolongan). Jika anda ada memadamkan atau menyekat maklumat ini, anda mungkin tidak dapat menggunakan sesetengah ciri-ciri Aplikasi atau laman web tersebut.

8.10 Dalam situasi yang mana kami melibatkan diri dengan pihak-pihak ketiga untuk membantu kami menyediakan kuki, mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan maklumat yang dikumpul selain daripada untuk membantu perlakuan Shell dan meningkatkan prestasi bisnesnya.

**9. Kemudahan maklum balas dan forum**

9.1 Jikalau pada bila-bila masa, Aplikasi ini menyediakan apa-apa kemudahan maklum balas dan/atau forum (ataupun yang serupa dengannya), Shell boleh mengumpul maklumat yang didedahkan oleh anda ketika menggunakan kemudahan tersebut. Maklumat tersebut akan digunakan berdasarkan Polisi Privasi ini. Sila ambil perhatian bahawa Shell tidak akan bertanggungjawab jika pihak-pihak lain menggunakan maklumat peribadi yang telah anda dedahkan kepada pihak-pihak ketiga berikut menerusi apa-apa kemudahan maklum balas ataupun forum dalam Aplikasi ini. **Sila ambil langkah berjaga-jaga berkenaan maklumat peribadi yang anda dedahkan menerusi cara ini.**

**10. Aplikasi ataupun laman web pihak ketiga**

10.1 Shell tidak bertanggungjawab untuk polisi privasi dan prosedur aplikasi atau laman web pihak ketiga, walaupun anda dapat mengakses aplikasi pihak ketiga atau laman web menggunakan pautan-pautan yang disediakan oleh Aplikasi ataupun yang berpaut kepada Aplikasi menerusi aplikasi atau laman web pihak ketiga.

10.2 Shell mencadangkan agar anda menyemak polisi setiap aplikasi ataupun laman web yang anda lawati dan hubungi pemilik ataupun pengendali aplikasi ataupun laman web tersebut jika anda mempunyai sebarang kerisauan atau pertanyaan.

**11. Menyimpan rekod-rekod Shell dengan tepat**

11.1 Shell bermatlamat untuk menyimpan maklumat tentang anda setepat yang mungkin. Jika anda berminat untuk menilai semula ataupun membuat perubahan maklumat yang telah dimasukkan ke dalam Aplikasi, anda boleh berbuat demikian dengan menggunakan fungsi 'Edit' yang boleh dijumpai di dalam 'Info & Settings'. Sekiranya anda berhasrat untuk mengubah maklumat yang diberikan kepada Shell yang tidak boleh ditukar menerusi fungsi ini, sila hubungi SITI-MLM-Support@Shell.com.

**12. Pengumpulan maklumat yang tidak bersifat peribadi**

12.1 Kami boleh mengumpul maklumat anda yang tidak bersifat peribadi secara otomatik seperti jenis pelayar internet yang digunakan ataupun laman web yang anda hubungkan kepada Aplikasi atau laman web kami. Kami juga boleh mengagregat maklumat yang telah diberikan (sebagai contoh, umur anda dan bandar di mana anda menetap). Anda tidak boleh dikenalpasti daripada maklumat ini dan ia hanya akan digunakan untuk membantu kami dalam memberikan perkhidmatan yang efektif. Kami boleh dari masa ke semasa membekalkan pihak ketiga dengan data yang tidak bersifat peribadi ataupun data yang telah diagregat untuk kegunaan yang berkaitan dengan Aplikasi ini.

**13. Cara-cara untuk memilih untuk tidak menyertai, menukar maklumat yang telah diberikan kepada kami dan memadamkan akaun**

13.1 Jika anda berhajat untuk menukar maklumat akaun, keutamaan anda, memilih untuk tidak menyertai daripada menerima notifikasi 'push' atau apa-apa mesej lain atau padamkan kesemua maklumat akaun Shell dalam talian daripada pangkalan data kami, anda boleh berbuat demikian menerusi fungsi tetapan yang relevan pada bila-bila masa.

13.2 Sila ambil kira bahawa maklumat akaun anda berkemungkinan untuk kekal dalam salinan sandaran untuk tempoh masa yang berpatutan walaupun selepas anda telah memadamkan akaun, yang juga tertakluk kepada duti pemeliharaan undang-undang.

**14. Keselamatan data peribadi anda**

14.1 Shell telah melaksanakan teknologi dan polisi-polisi dengan objektif untuk melindungi privasi anda daripada akses yang tidak dibenarkan dan penggunaan yang tidak bersesuaian dan akan mengemaskini tindakan-tindakan tersebut, mengikut kesesuaian, sekiranya ada teknologi baru yang tersedia.

14.2 Walaupun Shell sentiasa berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda, malangnya, transmisi maklumat melalui internet tidak selamat sepenuhnya. Walaupun Shell akan sentiasa melakukan yang terbaik untuk melindungi maklumat peribadi anda, kami tidak boleh menjamin keselamatan maklumat tersebut. Oleh itu, sebarang

transmisi maklumat perlulah dibuat atas risiko tersendiri. Sebaik sahaja Shell menerima maklumat peribadi anda, kami akan menggunakan prosedur-prosedur dan ciri-ciri sekuriti yang ketat untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan.

**15. Terma-terma dan Syarat**

15.1 Sila ambil perhatian berkenaan “General Terms and Conditions of Use” kami yang berkenaan dengan penggunaan, penolak tuntutan, dan pembatasan liabiliti yang mengawal penggunaan Aplikasi ini.

**16. Perubahan kepada Polisi Privasi ini**

16.1 Dari masa ke semasa Shell boleh membuat perubahan kepada Polisi Privasi ini. Jika Shell membuat apa-apa perubahan kepada Polisi Privasi ini dan cara-cara penggunaan data peribadi anda, anda akan diminta untuk bersetuju dengan Polisi Privasi yang telah diubah apabila anda menggunakan Aplikasi tersebut pada kali berikutnya. Sebarang penggunaan Aplikasi selepas itu akan berdasarkan Polisi Privasi yang telah diubah.

**17. Hubungi Kami**

17.1 Jika anda ingin menghubungi Shell berkenaan Polisi Privasi ini, sila hubungi SITI-MLM-Support@Shell.com.

**18. Polisi Privasi dalam Bahasa Malaysia**

18.1 Polisi Privasi ini juga disediakan dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang klausa yang tidak konsisten di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.